

Tun M mengatur langkah lagi

Sinar Harian - 15/12/2018 m/s: 11

NORDEN MOHAMED



Setelah pemimpin Umno Sabah keluar parti kelmarin, semalam enam pemimpin Umno di Semenanjung pula membuat tindakan yang sama. Mereka transit sebagai ahli Bebas sebelum masuk ke dalam salah sebuah parti komponen PH. Trend yang kita nampak ialah mereka akan masuk ke parti Bersatu.

Bersatu itu parti Tun Dr Mahathir Mohamad. Maksudnya Tun M tahu mengenai hal ini. Ini langkah strategik untuk memperkuatkan Bersatu, dan justeru itu memajoritikan suara Melayu di dalam Pakatan Harapan.

Tindakan berani mati Tun M untuk keluar Umno menyertai PH dan kemudian memenangi PRU dan akhirnya memimpin pakatan itu adalah apa yang telah terjadi. Pada pandangan beliau, Umno su-

dah begitu rosak dan tak boleh di-baik pulih lagi.

Jangan lupa, suatu ketika dahulu, ketika Umno diharamkan, Tun M mendaftar Umno Baru. Kemudian melalui Persidangan Agung Umno Baru, perlembagaannya ditukar untuk menggugurkan perkataan 'Baru.' Umno Baru menjadi Umno kembali.

Dengan apa yang berlaku pada hari ini, barangkali Tun M ingin menggunakan acuan yang sama. Setelah pemimpin Umno masuk Bersatu, perlembagaan Bersatu boleh diubah supaya ia menjelma menjadi Umno. Maksudnya Umno adalah sebuah parti yang mati boleh hidup balik! Parti immortal!

Apa yang berlaku memperlihatkan yang Tun M sudah keluaran kukunya. Kalau kita ingat, menje-

lang perhimpunan ICERD tempoh hari, 'Pejabat Perdana Menteri' mengeluarkan surat mengumumkan bahawa kerajaan menolak ICERD.

Surat itu tidak bertandatangan Tun M, atau mana-mana menteri di JPM mahupun Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Menteri KDN. Apa maksudnya? Yang saya baca, Tun M merestui Perhimpunan 812 diadakan. Cuma tidak mahu tandatangan surat itu sebagai langkah strategik.

Menjelang 8 Disember, Suhakam pula mengumumkan akan mengadakan sambutan pada hari yang sama. Sambutan ulang tahun Hak Asasi Manusia yang pada 10 Disember, telah diawalkan. Apakah tujuan Suhakam mengawalkan tarikh sambutan itu sama pada hari Perhimpunan 812?

Pejabat Perdana Menteri memaklumkan bahawa Tun M tak akan hadir ke perhimpunan Suhakam itu. Akhirnya sambutan itu

ditunda pada 9 Disember.

Kalau kita ingat, pada petang 8 Disember, Tun M memandu sendiri ke kawasan sekitar perhimpunan setelah ia tamat sebelum beliau menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi PH. Tun M punyai sikap menjenguk-jenguk sesuatu yang menarik perhatiannya.

Ingat tak pada tahun 2015, beliau turun menjenguk Bersih 4.0? Beliau hendak merasa degup nadi 'on the ground' ketika Bersih 4.0 dahulu. Kali ini Tun M menghirup aura Perhimpunan 812 dengan memandu meskipun ia telah pun berlangsung. Apa yang ada dalam mindanya ketika itu?

Tun M sudah berusia. Amat berusia. Namun beliau masih gagah dan cekap membaca padang permainan politiknya. Jika sesetengah orang Melayu melihat Tun M sudah tidak Melayu lagi apabila duduk semeja dengan musuh-musuh politiknya dahulu, kita kena ingat, Tun M amat fokus kepada apa yang di-

inginnya.

Semangat Melayunya tak pudar seperti ramai yang percaya. Malah, oleh kerana suara Melayunya sudah kecil, beliau terpaksa menyimpan kukunya. Dalam pada itu, mindanya masih mengatur bidak-bidak politiknya.

Tak lama lagi, ramai orang Melayu yang baharu nampak percaturan Tun M. Ketika itu, ramai yang akan berasa lega apabila mendapati Tun M tak tinggalkan bangsanya. Sudah seharusnya orang Melayu kekal menyokong beliau sebagai pemimpin yang akan membawa suara Melayu. Dia bukan mahu menjadi pemimpin Umno, tetapi pemimpin Melayu!

Bagaimana pula mengenai Anwar Ibrahim? Sampai masanya Tun M akan serahkan juga jawatannya seperti yang dijanjikan. Cuma kali ini dia akan serahkannya bersama bala tentera Melayu. terpulung kepada Anwar untuk membawa obor bangsa itu.